

POLA PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR DALAM KELAS BAHASA MANDARIN

Chong Geeng Ling¹, Teoh Joo Tong²

^{1,2}Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban,
Persiaran Seremban Tiga / 1, Seremban 3,70300 Seremban, Negeri Sembilan.

¹gengling@ns.uitm.edu.my ; ²teohj7719@ns.uitm.edu.my

ABSTRACT

This study aims to investigate the significance between language learning strategies (LLS) used and students' achievement in learning Mandarin as a third language. This is a quantitative study which includes a total of 145 students studying Mandarin in a public university as respondents. Data were collected through self-report questionnaires, including the questions adapted from Oxford's (1990) SILL and Mandarin written exams. Results analysed by ANOVA indicated significant linkages between LLS and students' language achievement. This study also aims to help students and concerned parties to improve the performance of non-native students by displaying the analysis of the most frequent and effective LLS used among successful language learners in learning Mandarin as a third language.

Keywords: language learning strategies; usage pattern; Mandarin achievement

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan signifikan antara penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dan pencapaian pelajar dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai Bahasa Ketiga. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan 145 orang responden dari sebuah universiti awam. Responden kajian yang dipilih adalah pelajar yang mempelajari kursus bahasa Mandarin Tahap Satu. Data kajian dikumpul melalui soal selidik atas talian yang diklasifikasikan berdasarkan taksonomi Oxford (1990) dan ujian bertulis Bahasa Mandarin. Ujian ANOVA dijalankan bagi menguji hubungan signifikan antara penggunaan SPB dan pencapaian pelajar. Diharapkan kajian ini dapat membantu para pelajar dan pihak berkenaan untuk meningkatkan prestasi pelajar bukan penutur asli dengan

memaparkan SPB yang paling kerap dan berkesan yang digunakan oleh pelajar cemerlang dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai Bahasa Ketiga.

Kata kunci: strategi pembelajaran bahasa; pola; bahasa Mandarin; pencapaian.

PENGENALAN

Bahasa Mandarin merangkumi dua bentuk iaitu bahasa pertuturan dan tulisan (Neo, 2011). Bahasa Mandarin digolongkan dalam rumpun Bahasa Sino-Tibetan dari tipologi bahasa bernada dan ia mempunyai 5 jenis nada yang berlainan (Fu, 2005). Banyak perkataan bahasa Mandarin mempunyai suku kata yang sama tetapi maksudnya berlainan berdasarkan nadanya (Neo, 2011). Sifat keunikan ini telah menjadikan bahasa Mandarin sebagai salah satu bahasa yang paling sukar dipelajari oleh pelajar bukan penutur asli (Shen, 2005).

Di Malaysia, impak daripada pengaruh politik serta perkembangan ekonomi Negara China yang pesat telah mendorong semakin banyak sekolah rendah dan menengah, kolej serta universiti menawarkan kursus Bahasa Mandarin sebagai pilihan elektif kepada pelajar (Lee, Ng, & Ngeh, 2017). Selain daripada faktor global, kegunaan bahasa Mandarin yang sangat meluas dan diketahui ramai dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum telah menjadikan bahasa Mandarin sebagai salah satu pilihan yang popular di antara kursus elektif (See & Ching, 2013).

PENYATAAN MASALAH

Kajian-kajian lepas (Shen, 2005; Lee et al., 2017; See & Ching, 2013) menunjukkan masih ada segolongan pelajar yang lemah dalam menguasai bahasa Mandarin atau tidak dapat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Mandarin walaupun pelajar berkenaan telah melengkapkan kursus. Demi mengatasi masalah ini, strategi pembelajaran bahasa harus diberi perhatian kerana strategi pembelajaran bahasa berkait rapat dengan kemahiran bahasa pelajar (Tam, 2013).

Kajian Oxford (1990), Tam (2013), serta Abas Ali Zarei dan Nooshin Baharestani (2014) membuktikan corak atau kekerapan pelajar menggunakan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) semasa mempelajari bahasa asing adalah faktor yang penting dalam menentukan tahap penguasaan dan prestasi pelajar yang belajar sesuatu subjek yang sama. Zamri Mohamad (2006) juga mengatakan bahawa pelajar yang cemerlang dalam pelajaran cenderung mempraktikkan pelbagai SPB untuk memperoleh keputusan yang cemerlang. Kajian Hou (2006) juga memaparkan SPB bukan sahaja mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa, ia juga akan mempengaruhi keberkesanan pelajar dalam proses pembelajaran.

Akan tetapi, pengalaman penggunaan SPB tidak dapat dikongsi di antara pelajar yang cemerlang dan lemah kerana ramai pelajar tidak perasan akan SPB yang digunakan dalam proses pembelajaran (Kamarul Shukri Mat The, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mohamad, 2009). Kajian Nurhuda Mohamad Nazri, Melor Md Yunus

dan Nur Dalila Mohamad Nazri (2016) menyatakan bahawa pencapaian pelajar dapat ditingkatkan lagi dengan meningkatkan kesedaran mereka terhadap SPB yang berkesan dan menggunakannya dalam pembelajaran bahasa.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, tujuan kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti pola penggunaan SPB di kalangan pelajar bukan penutur asli dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan SPB dan pencapaian pelajar dalam kelas bahasa Mandarin.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini akan membincangkan definisi kata kunci dan rumusan kajian-kajian lepas supaya pembaca lebih jelas tentang topik yang akan dibincangkan.

Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

Oxford (1990) mendefinisikan SPB sebagai langkah atau tindakan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memudahkan proses pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan proses pembelajaran lebih mudah, efektif dan senang dipindahkan ke suasana baru. Zamri Mohamad (2006) pula mendefinisikan SPB sebagai langkah-langkah yang diambil oleh pelajar untuk mempercepatkan proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan sumber maklumat.

Berdasarkan kajian-kajian awal, terdapat beberapa model SPB yang diklasifikasikan menurut perspektif para penyelidik yang berbeza (Kamarul Shukri, 2010). Rubin (1981) membahagikan SPB kepada dua kategori iaitu strategi langsung dan tidak langsung. Manakala kajian O'Malley, Chamot dan Walker (1987) telah mengklasifikasikan SPB kepada tiga kategori utama yang merangkumi strategi Metakognitif, Kognitif dan Sosial atau Afektif.

Kajian Oxford (1990) pula membahagikan SPB kepada dua kategori iaitu strategi langsung dan strategi tidak langsung. Kategori strategi langsung merangkumi strategi Memori, Kognitif dan Kompensasi. Strategi tidak langsung pula merujuk kepada strategi Metakognitif, Afektif dan Sosial. Huraian 6 jenis strategi utama yang dikemukakan oleh Oxford (2003) adalah seperti di bawah.

- (a) Strategi Memori berfokus kepada penghafazan dan pengingatan. Ia melibatkan penggunaan teknik-teknik seperti mencipta rantaian mental, aplikasi imej dan bunyi, mengulang kaji dengan baik dan menggunakan tindakan.
- (b) Strategi Kognitif lebih cenderung kepada penggunaan proses mental dan pemikiran dalam aktiviti pembelajaran bahasa seperti berlatih, menerima dan menghantar mesej, menganalisis dan menaakul serta membina struktur input dan output.

- (b) Strategi Kompensasi pula menghimpunkan teknik yang digunakan untuk mengatasi kekurangan dan batasan dalam penggunaan bahasa sasaran seperti meneka secara bijak dan mengatasi batasan dalam bertutur atau menulis.
- (c) Strategi Metakognitif memusatkan pembelajaran bahasa, merancang dan menyusun pembelajaran serta menilai pembelajaran sendiri. Ia dapat membantu pelajar mengurus dan menilai cara mereka belajar sesuatu bahasa serta merancang tugas bahasa mereka.
- (d) Strategi Afektif digunakan untuk mengurangkan kebimbangan, memberi motivasi kepada sendiri dan mengawal emosi sendiri semasa dalam proses pembelajaran bahasa sasaran.
- (e) Strategi Sosial ialah sejenis strategi yang membantu pelajar berinteraksi dengan orang lain dan memahami budaya dalam bahasa sasaran. Teknik-teknik yang digunakan merangkumi bertanya soalan, bekerjasama dengan orang lain dan menunjukkan empati kepada orang lain.

Berdasarkan huraian di atas, taksonomi SPB yang dikemukakan oleh Oxford (1990) adalah lebih menyeluruh dan juga telah digunakan secara meluas dalam kajian-kajian yang melibatkan bahasa ketiga seperti bahasa Arab, Mandarin, Jepun dan lain-lain (Nurhuda et al. 2016).

Kajian-kajian Lepas Pencapaian Bahasa Pelajar

Kajian-kajian lepas (Chamot, 1993; Dreyer & Oxford, 1996) memaparkan pelajar yang mempraktikkan SPB yang pelbagai dan sesuai akan mendapat keputusan yang cemerlang. Kajian Rubin (1975) dan Stern (1975) juga mengenalpasti ciri-ciri golongan pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam proses mempelajari bahasa lebih cenderung menggunakan SPB untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Green dan Oxford (1995) dan Griffiths (2003) yang bertujuan untuk menerokai hubungan antara pencapaian pelajar bahasa yang cemerlang dengan penggunaan SPB mendapati bahawa SPB memang berkaitan dengan kecemerlangan prestasi bahasa.

Kajian Park (1997) menyokong jumlah dan kekerapan penggunaan SPB dapat menyumbang kemajuan kemahiran bahasa. Dapatan kajian Park (1997) juga memaparkan strategi Kognitif mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar dalam kursus bahasa. Dapatan kajian Kamarul Shukri (2010) juga menyokong terdapatnya hubungan yang signifikan antara penggunaan SPB oleh pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab. Selain itu, dapatan kajian-kajian lain yang berkaitan seperti O'Malley et al. (1985), Manghubai (1991), Green dan Oxford (1995), Wharton (2000) menyokong memang terdapatnya hubungan yang signifikan antara penggunaan SPB dengan tahap kemahiran dan penguasaan pelajar bahasa.

Selain itu, kajian Salahshour, Sharif dan Salahshour (2013) menunjukkan bahawa pelajar yang cemerlang lebih cenderung menggunakan lebih banyak jenis SPB berbanding dengan pelajar yang lemah. Antara SPB yang lebih kerap digunakan ialah strategi Metakognitif dan strategi Sosial, manakala strategi Afektif paling kurang digunakan. Dalam kajian Khabiri dan

Azaminejad (2009), dapatan kajian membuktikan hubungan antara penggunaan SPB dan pencapaian adalah signifikan, dan strategi Kognitif merupakan strategi yang paling kerap digunakan manakala strategi Afektif paling kurang digunakan dalam proses pembelajaran bahasa. Dapatan kajian Saricoban dan Saricaogu (2008) pula memaparkan strategi Kompensasi mempunyai korelasi yang positif dengan pencapaian pelajar manakala strategi Afektif menunjukkan korelasi yang negatif.

Kajian Peacock dan Ho (2003) menunjukkan bahawa strategi Kognitif dan Metakognitif menunjukkan korelasi yang signifikan dengan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar universiti di Hong Kong. Kajian Ghadessy pada tahun 1998 menyatakan bahawa semua SPB kecuali strategi Afektif mempunyai korelasi yang signifikan dengan pencapaian bahasa. Tambahan dengan kajian Bremner (1999) menunjukkan pencapaian pelajar mempunyai korelasi yang signifikan dengan penggunaan strategi Kognitif dan strategi Kompensasi. Kajian Ouyang (2011) juga menyokong terdapat korelasi yang signifikan dengan penggunaan strategi Memori, Kognitif dan Sosial dengan kemahiran bahasa pelajar. Wu (2008) juga mendapati bahawa pelajar yang lebih cemerlang menggunakan lebih banyak strategi iaitu Kognitif, Metakognitif dan Sosial.

Penggunaan SPB memang merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kelas bahasa. Golongan pelajar yang lebih cemerlang gemar menggunakan kebanyakan kategori utama SPB kecuali strategi Afektif yang didapati tidak dijadikan pilihan para pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan 145 orang responden dari sebuah universiti awam. Responden kajian yang dipilih adalah pelajar yang mempelajari kursus bahasa Mandarin Tahap Satu.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, responden kajian diminta untuk menjawab soal selidik atas talian yang disediakan oleh pengkaji. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian dan merupakan adaptasi daripada inventori strategi pembelajaran (SILL) oleh Oxford (1990). Bahagian A borang soal selidik mengandungi butiran peribadi pelajar seperti nama, umur, jantina, agama bangsa dan sebagainya. Bahagian B mengandungi 30 soalan yang berkaitan dengan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari bahasa Mandarin. Soalan-soalan tersebut diklasifikasikan berdasarkan taksonomi Oxford (1990) yang merangkumi dua kategori utama iaitu strategi langsung dan tidak langsung. Skala Likert digunakan untuk jawapan responden kajian.

Selain itu, tahap penguasaan atau pencapaian responden kajian ditentukan berdasarkan gred mereka dalam ujian kursus Bahasa Mandarin Permulaan Tahap Satu. Setiap gred penguasaan akan dikumpul dan dicatat dalam jadual untuk analisis selanjutnya.

Kajian Rintis

Kajian rintis yang melibatkan 102 orang pelajar telah dijalankan untuk memastikan soalan yang dipilih oleh pengkaji adalah sesuai untuk kajian ini dan tidak ada kekaburan atau pertindihan (Asmah Omar, 2002). Analisis Cronbach alpha telah digunakan untuk memeriksa indeks kebolehpercayaan bagi keseluruhan 30 item dalam borang soal selidik. Secara keseluruhannya, indeks kebolehpercayaan untuk semua item adalah $\alpha=.908$. Nilai alfa ini adalah memuaskan kerana berada dalam lingkungan 0.65 hingga 0.95 (Chua, 2006).

Analisis Kajian

Data yang dikumpul melalui borang soal selidik dan ujian bahasa Mandarin dikodkan mengikut tahap penguasaan dan jenis SPB yang digunakan dalam proses pembelajaran mereka. Perisian komputer SPSS digunakan untuk mendapatkan statistik deskriptif (min, sisihan piawai dan hipotesis perbandingan antara varians) untuk mengenal pasti pola penggunaan SPB dan pengaruhnya terhadap pencapaian responden dalam ujian bahasa Mandarin. Ujian ANOVA dijalankan bagi menguji hubungan signifikan antara penggunaan SPB dan pencapaian pelajar.

Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan pada 145 orang pelajar kelas bahasa Mandarin Tahap Satu dari sebuah universiti awam di Seremban, Negeri Sembilan. Dapatan kajian yang diperolehi melalui saiz sampel yang kecil mungkin tidak sesuai untuk digeneralisasikan ke atas semua golongan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga.

Selain itu, responden kajian adalah diminta untuk menjawab borang selidik SPB di atas talian. Kaedah ini mempunyai kekangan seperti responden kajian mungkin tidak faham ketika menjawab soal selidik atau tidak sedar akan apa jenis strategi yang digunakan dalam proses pembelajaran (Murray, 2010).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pola Penggunaan SPB di Kalangan Pelajar

Dalam kajian ini, Cronbach alpha telah digunakan untuk menguji kebolehpercayaan item-item SPB dalam borang soal selidik. Secara keseluruhannya, indeks kebolehpercayaan alfa ialah $\alpha=.908$ dan boleh diterima pakai kerana menurut huraian Chua (2006), indeks kebolehpercayaan alfa dalam lingkungan 0.65 hingga 0.95 adalah dianggap memuaskan.

Untuk menentukan tahap penggunaan SPB, statistik deskriptif digunakan untuk menganalisa data, Min dan sisihan piawai (SD). Dan ini ditunjukkan dalam Jadual 1. Nilai min yang diperolehi ditafsirkan berdasarkan interpretasi yang dicadangkan oleh Oxford (1990). Pelajar dengan min 2.5 dan ke bawah dikenalpasti sebagai pengguna strategi yang rendah, 2.5-3.5 sebagai pengguna strategi sederhana, manakala min 3.5 dan ke atas dikenalpasti sebagai pengguna strategi yang tinggi.

Jadual 1: Strategi yang digunakan pada tahap kekerapan

	Memori	Kognitif	Kompensasi	Metakognitif	Afektif	Sosial.
Min	3.78	4.17	4.3	4.32	3.82	4.25
Sisihan Piawai	0.768	0.697	0.747	0.761	0.831	0.759

Berdasarkan Jadual 1, min untuk keenam-enam kategori utama SPB yang digunakan adalah pada tahap penggunaan yang tinggi (3.5 dan ke atas). Secara keseluruhannya, strategi Metakognitif (M=4.32, S.P.=0.761) merupakan strategi yang paling kerap digunakan diikuti dengan strategi Kompensasi (M=4.3, S.P.=0.747) dan Sosial ((M=4.25, S.P.=0.759). Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Goh dan Kwah (1997) yang membuktikan bahawa strategi Metakognitif dan strategi Kompensasi merupakan pilihan strategi yang popular di kalangan pelajar. Huraian kajian Goh dan Kwah (1997) menyatakan bahawa kedua-dua strategi ini kerap digunakan oleh pelajar ESL Cina di Singapura.

Selain itu, analisis kajian ini memaparkan strategi Afektif (M=3.82, S.P.=0.831) dan Memori (M=3.78, S.P.=0.768) merupakan strategi SPB yang paling kurang digunakan oleh para responden kajian ini. Dapatan ini adalah sama dengan dapatan kajian Tam yang dijalankan pada tahun 2013.

Hubungan antara Pencapaian Pelajar dengan Penggunaan SPB

Ujian Anova dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB berdasarkan tahap penguasaan bahasa. Berdasarkan Jadual 2, nilai statistik yang diperolehi melalui analisis Anova satu hala ialah $F(4,209) = 6.351$, sig. = $0.000 < 0.05$. Nilai ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara SPB dan pencapaian pelajar dalam kelas Mandarin.

Keputusan signifikan ini adalah sama dengan kajian-kajian lepas (Oxford & Burry-Stock, 1995; Kamarul Shukri Mat The et al., 2009; Özgül Balcı & Selma Durak Ügüten, 2018) yang membuktikan bahawa terdapatnya hubungan linear antara pencapaian pelajar dengan penggunaan SPB dalam kelas bahasa.

Seterusnya, analisis Post-Hoc dijalankan untuk mengetahui sama ada perbezaan penggunaan SPB ke atas semua kategori utama atau hanya pada kategori tertentu SPB berdasarkan pencapaian para pelajar. Analisis ini juga membolehkan pengkaji mengetahui kumpulan strategi manakah yang mempunyai pencapaian bahasa yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan strategi yang lain (Oxford & Burry-Stock, 1995). Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil ujian Post-hoc yang menggunakan analisis Tukey HSD.

Jadual 2: Ujian ANOVA

	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	1016.173	4	254.043	6.351	.000
Dalam Kumpulan	8360.145	209	40.001		

Signifikan pada aras 0.05

Jadual 3: Penggunaan SPB berdasarkan Pencapaian Bahasa (Ujian Post-Hoc)


Pemboleh Ubah Bersandar: Pencapaian

(I) SPB	(J)SPB	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig.	95% Confidence Interval	
					Lower Bound	Upper Bound
KG	MM	-1.176	1.838	.968	-6.23	3.88
	KS	-5.000*	1.536	.011	-9.23	-.77
	MK	-.848	1.496	.980	-4.96	3.27
	SO	1.558	1.203	.694	-1.75	4.87
KS	MM	3.824	1.920	.274	-1.46	9.11
	KG	5.000*	1.536	.011	.77	9.23
	MK	4.152	1.595	.074	-.24	8.54
	SO	6.558*	1.325	.000	2.91	10.20
SO	MM	-2.734	1.666	.473	-7.32	1.85
	KG	-1.558	1.203	.694	-4.87	1.75
	KS	-6.558*	1.325	.000	-10.20	-2.91
	MK	-2.406	1.278	.330	-5.92	1.11

*. Perbezaan min adalah signifikan pada aras 0.05.

Keputusan Post-hoc ini menunjukkan kebanyakan nilai signifikan yang dicatat dalam ruang Sig. adalah lebih besar daripada 0.05. Nilai ini menyatakan strategi Memori dan Metakognitif tidak mempunyai perbezaan yang signifikan berbanding dengan SPB yang lain. Dengan kata lain, penggunaan strategi Memori dan Metakognitif ini tidak mempunyai kesan yang ketara dalam mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dalam kelas bahasa Mandarin.

Perbandingan di antara penggunaan strategi Kognitif, Kompensasi dan Sosial menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding dengan SPB yang lain, iaitu nilai signifikan di dalam lingkungan 0.000 hingga 0.011. Hasil ujian ini mencadangkan bahawa tiga jenis SPB ini memang mempunyai kesan ke atas pencapaian pelajar bahasa Mandarin.



Rajah 1: Perbandingan Penggunaan SPB di Kalangan Pelajar

Rajah 1 menunjukkan perbandingan penggunaan SPB di kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, hanya lima jenis SPB yang dibandingkan kerana strategi Afektif tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar.

Pelajar yang lebih cemerlang dalam pencapaian bahasa menggunakan lebih banyak jenis SPB berbanding dengan pelajar yang lain. Pelajar yang mempunyai pencapaian yang lebih cemerlang dalam kelas bahasa Mandarin lebih cenderung mempraktikkan 5 jenis SPB iaitu strategi Memori, Kognitif, Kompensasi, Metakognitif dan Sosial dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin.

Pelajar lain yang pencapaiannya sederhana atau lemah menggunakan jenis SPB yang lebih kurang iaitu 4 jenis SPB sahaja. Hasil ujian ini adalah selaras dengan kajian Chamot (1993), Dreyer dan Oxford (1996) serta Rubin (1975) yang memaparkan pelajar yang cemerlang lebih

cenderung menggunakan SPB dalam bentuk kombinasi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

Antara kombinasi SPB yang dipilih oleh pelajar berdasarkan tahap pencapaian mereka, pelajar yang cemerlang telah menggunakan ketiga-tiga jenis SPB (Kognitif, Kompensasi dan Sosial) yang dibuktikan mempunyai pengaruh yang signifikan dalam analisis Post-hoc Tukey. Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan SPB yang sesuai dengan kursus akan membantu pelajar meningkatkan pencapaian dan tahap penguasaan.

Data kajian ini juga telah menyokong dapatan kajian Oxford (1990), Tam (2013), dan Abas Ali Zarei dan Nooshin Baharestani (2014) yang menyatakan corak atau kekerapan pelajar menggunakan SPB semasa mempelajari bahasa asing adalah faktor yang penting dalam menentukan tahap penguasaan dan prestasi pelajar yang belajar sesuatu subjek yang sama. Kajian Hou (2006) juga memaparkan SPB bukan sahaja mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa, ia juga akan mempengaruhi keberkesanan pelajar dalam proses pembelajaran.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini memaparkan bahawa strategi Metakognitif, Kompensasi dan Sosial ialah SPB yang paling kerap digunakan oleh para pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin. Manakala strategi Memori dan Afektif adalah strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar.

Hubungan yang signifikan antara penggunaan SPB dan pencapaian pelajar dalam kelas bahasa Mandarin juga berjaya dibuktikan melalui analisis Anova satu hala dan ujian Post-Hoc Tukey. Secara keseluruhannya, pelajar yang lebih cemerlang dalam kajian ini menggunakan jenis SPB yang lebih pelbagai dan juga sesuai dengan kursus yang dipelajari. Dalam ujian Post-hoc, Strategi Kognitif, Kompensasi dan Sosial terbukti memang mempengaruhi pencapaian pelajar.

Oleh itu, SPB yang digunakan oleh pelajar yang cemerlang perlu diperhatikan dan dikongsi bersama dengan pelajar yang lemah untuk meningkatkan pencapaian mereka. Diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu para pelajar lebih peka tentang penggunaan SPB yang sesuai dalam menguasai bahasa Mandarin. Penggunaan SPB yang sesuai juga dapat membantu proses pembelajaran dijalankan dengan lebih efektif dan mudah (Oxford, 1990).

Pada masa akan datang, dicadangkan penyelidikan kajian seperti ini boleh dilaksanakan dengan melibatkan lebih ramai responden kajian dari universiti yang berbeza dan melibatkan lebih banyak pembolehubah seperti faktor jantina, latar belakang bahasa dan tahap pembelajaran bahasa yang berbeza.

Selain itu, kaedah kualitatif juga boleh digunakan dalam kajian ini untuk menerokai dengan lebih mendalam pandangan pelajar serta faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan SPB dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin.

RUJUKAN

- Asmah Omar. (2002). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abas Ali Zarei, & Nooshin Baharestani. (2014). Language learning strategy use across proficiency levels. *I-Manager's Journal on English Language Teaching*, 1(4), 27-38.
- Bremner, S. (1999). Language learning strategies and language proficiency: Investigating the relationship in Hong Kong. *Canadian Modern Language Review*, 55(4), 490-514.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Malaysia: Mcgraw Hill Sdn. Bhd.
- Chamot, A. U. (1993). Student responses to learning strategy instruction in the foreign language classroom. *Foreign Language Annals*, 26, 13-24.
- Dreyer, C., & Oxford, R. L. (1996). Prediction of ESL proficiency among Afrikaans-speakers in South Africa. In R. L. Oxford (Ed.), *Language learning strategies around the world: Cross-cultural perspectives*. Second Language Teaching and Curriculum Center, University of Hawaii: Honolulu.
- Fu, I. P. (2005). *Student approaches to learning Chinese vocabulary*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database. (UMI No. 3255277).
- Goh, C., & Kwah, P. F. (1997). Chinese ESL students' learning strategies: A look at frequency, proficiency and gender. *Hong Kong Journal of Applied Linguistic*, 2(1), 39-53.
- Green, J. M., & Oxford, R. L. (1995). A closer look at learning strategies, L2 proficiency and gender. *TESOL Quarterly*, 29(2), 261-297.
- Ghadessy, M. (1998). Language learning strategies of some university students in Hong Kong. *Estudio ingleses de la Universidad Complutense*, 6, 101-128.
- Griffiths, C. (2003). Language learning strategy use and proficiency: The relationship between patterns of reported language learning strategy (LLS) use by speakers of other languages (SOL) and proficiency with implications for the teaching / learning situations. (Doctoral Dissertation). University of Auckland, New Zealand.
- Hou, C. L. (2006). *Cong xuesheng pianwu jiaodu tantao duiwai hanyu zhonggao ji jieduan de chengyu jiaoxue 从学生偏误角度探讨对外汉语中高级阶段的成语教学*. (Tesis Sarjana). Universiti Fudan, China. Diambil daripada [http:// www.cnki.net](http://www.cnki.net).
- Kamarul Shukri. (2010). *Strategi pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat The, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mohamad. (2009). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan Bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-56.

- Khabiri, M., & Azaminejad, M. (2009). The relationship between EFL learners' use of language learning strategies and self-perceived language proficiency. *The Journal of Applied Linguistics*, 2(2), 130-159.
- Lee, A. C., Ng, L. L., & Ngeh, H. E. (2017). Penggunaan strategi pembelajaran, perbendaharaan kata Mandarin oleh pelajar Melayu berkemahiran tinggi dan rendah di universiti. *International Journal of Modern Language and Applied Linguistics*, 1, 1-18.
- Mangubhai, F. (1991). The processing behaviors of adult second language learners and their relationship to second language proficiency. *Applied Linguistics*, 12, 268-298.
- Murray, B. (2010). Students language learning strategy use and achievement in the Korean as a foreign language classroom. *Foreign Language Annals*, 43(4), 624-634. doi:10.1111/j.1944-9720.2010.01105.x
- Neo, K. S. (2011). *Bahasa Cina dan budaya Tionghua*. Malaysia: Univision Press Sdn. Bhd.
- Nurhuda Mohamad Nazri, Melor Md Yunus, & Nur Dalila Mohamad Nazri. (2016). Through the lens of good language learners: What are their strategies? *Advances in Language and Literary Studies*, 7(1), 195-202.
- O'Malley, J. M., Chamot, A. U., Stewner-Manzaners, G., Kupper, L., & Russo, R. P. (1985). Learning strategies used by beginning and intermediate ESL students. *Language Learning*, 35(1), 21-46.
- O' Malley, J. M., Chamot, A. U., & Walker, C. (1987). Some applications of cognitive theory to second language acquisition. *Studies in Second Language Acquisition*, 9(3), 287-306.
- Ouyang, O. C. (2011). Influence of English proficiency on postgraduate students' use of language learning strategies. *Sino-US English Teaching*, 8(12), 766-772.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House.
- Oxford, R. L. (2003). *Language learning strategies: An overview*. (Doctoral Dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations & Theses database.
- Oxford, R. L., & Burry-Stock, J. A. (1995). Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL/EFL version of the strategy inventory for language learning (SILL). *System*, 23(1), 1-23. doi:10.1016/0346-251x(94)00047-a
- Özgül Balcı, & Selma Durak Ügüten. (2018). The relationship between EFL learners' language learning strategy use and achievement. *International Education Studies*, 11(2), 1-12.
- Peacock, M., & Ho, B. (2003). Student language learning strategies across eight disciplines. *International Journal of Applied Linguistics*, 13(2), 179-200.

- Park, G. P. (1997). Language learning strategies and English proficiency in Korea university students. *Foreign Language Annals*, 30(2), 211-221.
- Rubin, J. (1975). What the good language learner can teach us. *TESOL Quarterly*, 9(1), 41-51.
- Rubin, J. (1981). Study of cognitive process in second language learning. *Applied Linguistics*, 2(2), 117-131.
- Saricoban, A., & Saricaoglu. A. (2008). The effect of relationship between learning and teaching strategies on academic achievement. *Novitas-ROYAL*, 2(2), 162-175.
- Salahshour, F., Sharif, M., & Salahhour, N. (2013). The relationship between language learning use, language proficiency level and learner gender. *Procedia-Social and Behavior Sciences*, 70, 634-643.
- See, S.Y., & Ching T. H. (2013). Mandarin as the chosen foreign language course among learners of foreign languages: A case study. *Journal of Arts, Science & Commerce*. 3(1), 80-88.
- Shen, H. H. (2005). An investigation of Chinese-character learning strategies among non-native speakers of Chinese. *System*, 33(1), 49-68. doi:10.1016/j.system.2004.11.001.
- Stern, H.H. (1975). What can we learn from the good language learners? *Canadian Modern Language Review*, 31(3), 304-318.
- Tam, K.C. (2013). A study on language learning strategies (LLSs) of university students in Hong Kong. *Taiwan Journal of Linguistics*, 11(2), 1-42.
- Wharton, G. (2000). Language learning strategy use of bilingual foreign language learners in Singapore. *Language Learning*, 50, 203-243.
- Wu, Y. (2008). Language learning strategies used by students at different proficiency levels. *ASIAN EFL Journal*, 10(4), 75-95.
- Zamri Mohamad. (2006). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar pelbagai etnik bukan Melayu. *Jurnal Pendidikan*, 26, 115-132.